



10 Oktober 2016
10 October 2016
P.U. (A) 255

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PASAR (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2016

LICENSING OF MARKETS (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) BY-LAWS 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PASAR
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2016

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-
undang
kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Lesen diperlukan bagi pasar
4. Permohonan untuk lesen
5. Ketidaklayakan
6. Bentuk lesen
7. Fi lesen
8. Deposit
9. Lesen gantian
10. Pindah milik lesen
11. Pembaharuan lesen
12. Pembatalan lesen

BAHAGIAN III

KEHENDAK KHAS UNTUK PASAR AWAM

13. Takrif
14. Lesen pasar awam hendaklah berkenaan dengan ruang tertentu

Undang-
undang
kecil

15. Kandungan lesen
16. Kewajipan pemegang lesen pasar awam
17. Pelantikan penama
18. Pengambilan pembantu
19. Larangan membazir air
20. Memuat atau memunggah barang
21. Kawalan kenderaan yang memasuki pasar awam
22. Halangan
23. Mengganggu lekapan elektrik dan air
24. Pemasangan perkakas atau sambungan elektrik
25. Larangan dalam pasar awam
26. Kuasa mengusir
27. Kebersihan ruang sekitar
28. Ruang tidak boleh diserahkan hak, dipajak, disewa atau disewa kecil
29. Penyitaan dan tuntutan

BAHAGIAN IV

KEHENDAK KHAS UNTUK PASAR PERSENDIRIAN

30. Peruntukan khas berkaitan permohonan lesen untuk pasar persendirian
31. Kehendak dalam pasar persendirian
32. Bilik sejuk di pasar persendirian
33. Peruntukan khas berkaitan kehendak bagi pengendalian dan penyimpanan barang di pasar persendirian
34. Penyediaan barang di pasar persendirian
35. Rawatan air limbah
36. Kerja penyelenggaraan
37. Binatang dilarang

BAHAGIAN V
PERUNTUKAN AM

Undang-
undang
kecil

- 38. Larangan
- 39. Kehendak kebersihan
- 40. Kehendak bagi pengendalian dan penyimpanan barang di pasar
- 41. Larangan aktiviti penyembelihan
- 42. Larangan penjualan makanan tidak selamat
- 43. Waktu menjalankan aktiviti perniagaan
- 44. Bekalan air
- 45. Kacau ganggu
- 46. Kuasa untuk menghendaki maklumat
- 47. Kuasa untuk memasuki premis bagi tujuan pemeriksaan
- 48. Pengecualian
- 49. Penalti
- 50. Pembatalan dan peruntukan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PASAR
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subperenggan 73(1)(d)(iii), (iv), (v) dan (vi) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Pasar (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 11 Oktober 2016.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“air limbah” ertinya air sisa buangan hasil kegunaan harian daripada aktiviti yang dijalankan di pasar persendirian;

“aktiviti perniagaan” ertinya menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa barang di pasar awam atau mengendalikan sesuatu pasar persendirian;

“barang” termasuklah apa-apa haiwan atau daging, ikan, ayam itik, buah-buahan, sayur-sayuran atau benda makanan yang lain yang mudah musnah bagi tujuan makanan manusia atau apa-apa barang yang lain;